

30 JUN 1999

Samy-Setinggalan

MIC JUMPA MENTERI BESAR SELANGOR BINCANG ISU SETINGGAN

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- MIC akan mengadakan perjumpaan dengan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar minggu depan bagi membincangkan isu setinggalan di negeri itu terutama yang membabitkan masyarakat India.

Presidennya Datuk Seri S Samy Vellu berkata, MIC mendapati banyak orang India di Selangor yang terpaksa menjadi setinggalan kerana pendapatan yang diperolehi terlalu kecil bagi membolehkan mereka menyewa atau membeli rumah.

"Setinggalan terbabit adalah mangsa daripada kemajuan, yang terpaksa mencari pekerjaan di bandar-bandar setelah ladang tempat mereka bekerja ditutup," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC, di sini, hari ini.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata MIC juga akan mencadangkan kepada kerajaan Selangor supaya menyediakan tanah kepada setinggalan bagi membolehkan mereka membina rumah sendiri.

Beliau berkata MIC juga akan membangkitkan pada pertemuan itu isu setinggalan Kampung Sungai Nipah, Shah Alam, yang enggan berpindah walaupun ditawarkan rumah panjang, pampasan RM9,000 serta rumah kos rendah oleh Kerajaan Negeri.

Mereka enggan berpindah setelah dihasut oleh pemimpin beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang mendakwa pampasan dan rumah yang ditawarkan tidak mencukupi, katanya.

Dalam kejadian Isnin lepas, polis terpaksa menggunakan pancutan air untuk meleraikan suasana tegang di kampung itu apabila beberapa penduduk dan pemimpin NGO cuba menghalang kerja merobohkan rumah setinggalan di situ, yang berakhir dengan penahanan 44 lelaki serta tujuh wanita.

Antara yang ditahan dalam kejadian itu ialah anggota Majlis Tertinggi Parti Keadilan merangkap Pengarah Tenaganita, Irene Fernandez dan beberapa pemimpin ngo.

Dalam perkembangan lain, Samy Vellu berkata perhimpunan agung MIC selama dua hari bermula 31 Julai akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada perhimpunan itu yang akan dihadiri 5,000 perwakilan dan pemerhati, MIC juga akan melancarkan Yayasan Seniman India Malaysia yang berperanan memperkembangkan kegiatan seni di kalangan kaum itu, katanya.

Beliau berkata mesyuarat MIC hari ini juga telah bersetuju untuk meminda perlembagaan parti bagi menambah jumlah perwakilan pemuda dan wanita, masing-masing kepada dua orang dalam Majlis Tertinggi parti itu.

-- BERNAMA

NY SBJ PR